

Pertahanan nilai mulia: PM

Oleh Dzulkfley Zanudin dan Ebi Azly Abdullah

BAH 28 DEC 1994

KUALA LUMPUR, Selasa - Rakyat perlu menghargai budi dan jasa pemimpin serta kakitangan kerajaan bagi memastikan kemajuan negara sekarang terus dipertahankan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. *

Perdana Menteri berkata, nilai-nilai mulia itu boleh menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara serta mengukuhkan perpaduan rakyat.

"Selagi ada nilai murni itu, insya-Allah, negara kita akan mencapai kemajuan.

"Antara yang perlu kita pupuk ialah nilai menghargai budi, negara dan nusa serta menghargai jasa pemimpin dan mereka yang berjasa kepada negara," katanya berucap melancarkan Kempen Budi dan Jasa, di

Angkasapuri hari ini.

Hadir sama ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat.

Sempena lawatan itu, Dr Mahathir turut menaiki helikopter udara panas untuk melihat sekitar kompleks Angkasapuri, menyampai pingat setia kepada 12 kakitangan Kementerian Penerangan serta merasmikan Pusat Berita RTM.

Dr Mahathir berkata, nilai hidup mulia seperti budi dan jasa adalah sebahagian budaya masyarakat negara ini yang wajar dipertahankan.

"Kalau diperhatikan di seluruh dunia, ada negara yang maju, ada negara mundur serta negara yang tidak bergerak (maju) sama sekali yang mana kemunduran diseb-

babkan kegagalan rakyatnya menghargai nilai budi dan jasa.

"Malaysia adalah negara maju di antara negara membangun lain dan kemajuan itu bergantung kepada pelbagai faktor terutama nilai hidup atau budaya rakyatnya disesuaikan dengan kemajuan.

"Jika kita sedar akan hakikat ini, tentulah kita akan pupuk nilai-nilai mulia yang boleh menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara kita," katanya. Menurut Perdana Menteri, banyak peristiwa ngeri berlaku di negara lain sepanjang tahun ini seperti pertempuran, persengketaan dan huru-hara yang mana penduduk terbabit mungkin orang yang bijak pandai dan cekap.

"Malangnya, mereka tidak begitu faham peri mustahaknya diwujudkan satu masyarakat aman dan damai yang boleh menumpukan segala tenaga dan perhatian kepada pembangunan dan kemajuan negara.

"Sebaliknya, di negara terbabit berlaku pelbagai rebutan (kuasa) sehingga menyebabkan perang saudara, pembunuhan serta kemunculan golongan ekstremis," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia bernasib baik kerana rakyatnya tidak sukakan cara keterluan, manakala tiada kegiatan tidak bertanggungjawab sehingga negara kucar-kacir.

"Sebaliknya mereka lebih suka berunding bagi menyelesaikan masalah," katanya.